

NO. SOALAN : 421

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO DR. SHAMSUL ANUAR BIN
HAJI NASARAH [LENGGONG]**

SOALAN : 421

YB DATO DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [LENGGONG]
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap tindakan pemalsuan ijazah dan sijil akademik di kalangan anggota kabinet Kerajaan yang telah mencemarkan imej Kerajaan baharu sebagai sebuah Kerajaan berintegriti.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Mana-mana orang yang didapati memalsukan dan menggunakan dokumen palsu boleh didakwa di bawah seksyen 463 Kanun Keseksaan [Akta 574]. Seksyen 463 Akta 574 menyatakan seperti yang berikut:

“Forgery

463. *Whoever makes any false document or part of a document with intent to cause damage or injury to the public or to any person, or to support any claim or title, or to cause any person to part with property, or to enter into any express or implied contract, or with intent to commit fraud or that fraud may be committed, commits forgery.”*

dan jika didapati bersalah, boleh dihukum di bawah seksyen 465 Akta 574 yang menyatakan seperti yang berikut:

“Punishment for forgery

465. *Whoever commits forgery shall be punished with imprisonment for a term which may extend to two years or with fine or with both.”*

Mana-mana orang juga boleh didakwa di bawah seksyen 468 Akta 574 bagi pemalsuan dokumen bagi maksud penipuan seperti yang berikut:

“Forgery for the purpose of cheating

468. *Whoever commits forgery, intending that the document forged shall be used for the purpose of cheating, shall be punished with imprisonment for a term which may extend to seven years, and shall also be liable to fine.”*

Sekiranya mana-mana orang menggunakan dokumen palsu sebagai tulen, orang itu boleh didakwa di bawah seksyen 471 Akta 574 yang menyatakan seperti yang berikut:

“Using as genuine a forged document

471. *Whoever fraudulently or dishonestly uses as genuine any document which he knows or has reason to believe to be a forged document, shall be punished in the same manner as if he had forged such document.”*

dan boleh dihukum di bawah seksyen 465 yang sama.

Sekian, terima kasih.